



## **KERATAN AKHBAR** **20 Nov 2020 (Jumaat)**

### **Berita Harian**

LRA Rantau Panjang kembali beroperasi 1

### **Harian Metro**

Sambung reman sehari lagi 2

Rebat rumah RM30,000 3

### **Kosmo**

20 ekspatriat lawat Orang Asli di Pulau Carey 4

JKKMAR setuju beberapa syor tangani rasuah 5

### **Sinar Harian**

Transformasi digital KSSB 6

Bantu penggiat industri pelancongan 7

Pencemaran bau berlaku kerana masalah koordinasi, kata Exco 8

### **Selangor TV**

174 Penerima Dana Usahawan Mikro 2020 9

553 Pemain Industri Pelancongan Terima Insentif 10

553 Pemain Industri Pelancongan Terima Insentif Khas Berjumlah RM553,000 11

Dana Usahawan Mikro Peluang Usahawan Perluas Perniagaan 12

Hos Komuniti Setempat Bersyukur Tidak Dilupakan 13

Karnival Kerjaya Subang Jaya Tawar Lebih 1,000 Pekerjaan 14

Karnival Kerjaya Subang Jaya Tawar Lebih 1,000 Peluang Pekerjaan 15

Lantik Pemandu Pelancong Domestik Untuk Lawatan Sekolah 16

LRA Tutup Kurang Empat Jam Tidak Jejas Bekalan Air 17

Pelaksanaan Baucar Pelancongan Diumum 15 Disember 18

Penerima Mesin Cetak Terharu Dapat Bantuan Dana 19

### **The Star**

MBSA MATTERS 20

Raid uncovers illegal water tapping 21

RM3mil set aside for families with special needs children 22

Green lights 23

### **Nanyang Siang Pau**

Booth opening application, PJ New Town set up a New Year's market 24

Leong Tuck Chee: Involving a larger scale, the second phase of the Jalan Papan morning market "price increase" 25

### **Oriental Daily**

Indah Water notified the pollution, MPS received the letter after 10 days 26

What on earth is Amanah up to? 27

### **Makkal Osai**

Water supply disruption in 27 areas in Kuala Langat and Sepang 28

Water theft revealed in Sungai Manggis banting road constriction area 29

Selangor MB wife Datin Seri Masdiana donates Deepavali hampers 30

Covid 19 - 1,290 new cases; 407 cases in Selangor 31



**KERATAN AKHBAR**  
**20 November 2020**

|              |   |                                       |
|--------------|---|---------------------------------------|
| Akhbar       | : | Berita Harian                         |
| Tajuk Berita | : | LRA Rantau Panjang kembali beroperasi |
| Muka Surat   | : | 18                                    |

# LRA Rantau Panjang kembali beroperasi

Loji dihenti tugas selepas berlaku pencemaran bau seakan pelarut

Oleh Latifah Arifin dan Amirul Aiman Hamsuddin  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang, di sini, yang dihenti tugas berikutan pencemaran bau seakan pelarut, sudah beroperasi semula.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dalam kenyataan memaklumkan LRA terbabit memulakan semula operasi pada jam 9.30 malam kelmarin, selepas bacaan bau 0 TON direkodkan.

"Siasatan masih lagi dijalankan berkenaan pencemaran bau yang dilaporkan sebelum ini.

"Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, LRA Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas pada jam 7.10 malam susulan bau dikesan pada bacaan 1 TON di muka sauk LRA itu, jam 7 malam.

Kali terakhir LRA Rantau Panjang dihenti tugas ialah pada 10 November lalu, bersama tiga lagi LRA iaitu LRA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1), LRA Fasa 2 (SSP 2) dan LRA Fasa 3 (SSP 3) berikutan pencemaran bau seakan-akan pelarut yang dikesan di Sungai Selangor.

Tindakan henti tugas terhadap semua loji itu dilakukan berikutan pencemaran bau dikesan sekitar 8 TON di LRA Rantau Panjang.

Difahamkan, sepanjang tahun ini, LRA Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas enam kali akibat pencemaran

sungai, menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual sehingga menjejaskan 1.2 juta akaun pengguna di Lembah Klang.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Pusat MCA, Lau Chin Kok, berkata krisis air yang berlanjutan membuktikan dasar kerajaan Selangor tidak cukup berkesan dalam menangani isu pencemaran sumber air dan sungai.

Beliau juga mempersoalkan peranan kerajaan negeri, memandangkan kejadian pencemaran sungai masih berlaku walaupun sebelum ini berjanji akan meningkatkan mekanisme pemantauan.

"Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Amirudin Shari mengumumkan pembelian empat unit dron canggih dengan kos RM2 juta bagi melakukan pemantauan terhadap sumber air dan sungai negeri.

"Jadi, mengapa kita masih mendengar kes pencemaran sungai. Apa terjadi kepada empat dron itu dan



**Pegawai LUAS mengambil sampel air di Loji Rantau Panjang bagi memeriksa bacaan bau, malam kelmarin.**  
 (Foto ihsan Facebook LUAS)

apa gunanya pembelian jika perkara sama (pencemaran) masih berlaku?" katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Chin Kok turut menggesa hukuman lebih berat dan pemantauan rapi bagi mencegah pencemaran sungai daripada terus berlaku.

"Selain daripada meminda undang-undang untuk mengenakan hukuman lebih berat kepada kilang dan individu yang bertanggungjawab mencemari sungai dan alam sekitar, kerajaan negeri juga disaran memantau kilang haram yang beroperasi berdekatan dengan sumber air," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 November 2020

|              |   |                           |
|--------------|---|---------------------------|
| Akhbar       | : | Harian Metro              |
| Tajuk Berita | : | Sambung reman sehari lagi |
| Muka Surat   | : | 9                         |

# Sambung reman sehari lagi

**Kuala Lumpur:** Tempoh tahanan reman terhadap seorang pengarah syarikat pembekalan bahan kimia berhubung kejadian pencemaran bau air mentah di Sungai Selangor dilanjut sehari lagi oleh Mahkamah Majistret Selayang di sini, semalam.

Majistret Nur Hafizah Rajuni mengeluarkan perintah itu ke atas suspek lelaki berumur 58 tahun, selepas membenarkan permohonan polis untuk melanjutkan tempoh tahanan reman hingga hari ini.

Suspek sebelum ini di-reman tujuh hari mulai 13 November lalu di mahkamah sama bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksamaan iaitu bagi kesalahan

melakukan khianat dengan mendatangkan bencana terhadap perjalanan tali air, sehingga menyebabkan susut bekalan air kepada manusia dan haiwan.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun dengan denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Prosiding reman terhadap suspek yang memakai baju lokap polis berwarna oren bermula jam 9.30 pagi dan selesai pada jam 10 pagi.

Sebelum ini, empat individu termasuk dua pengarah syarikat pembinaan jalan raya ditahan reman berhubung kes sama.

Media sebelum ini melaporkan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan bahawa Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dan Sungai Selangor Fasa (SSP) 1, 2 serta 3 dihenti tugas menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual yang membabitkan 1,139,008 akaun pengguna di Lembah Klang berikutan pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor.

Gangguan bekalan itu merangkumi 1,279 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat mulai jam 6 petang pada 10 November lalu.  
- Bernama





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>20 November 2020</b> |   |                      |
|--|---|----------------------|
| Akhbar   | : | Harian Metro         |
| Tajuk Berita                                     | : | Rebat rumah RM30,000 |
| Muka Surat                                       | : | 43                   |

**HARIAN METRO**  
 JUMUDI 20 NOVEMBER 2020

**P&P**

REMAJU DAN PERIBU

# REBAT RUMAH RM30,000

Pasangan miliki rumah teres selepas tiga kali buat permohonan dengan LPHS

**RUMAH PERHAMA**  
 Oleh Fazel Anwar Mohd Fiaz  
 Foto: Nur Lydiana

Lebih lima tahun menunggu dan dua kali permohonan untuk membeli rumah teres pertama, pasangan suami isteri Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.

Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.

Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.

**HARIAN METRO**  
 JUMUDI 20 NOVEMBER 2020

**JAUH TAPI BERBALOI**

Pemilik mengambil kira pelbagai faktor sebelum buat keputusan memiliki rumah indaman

**STURGA** ke rumah Nur Lydiana sebulan.

Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.

Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.

Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.

Haziq Shazwan dan Nur Lydiana akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS. Pasangan ini akhirnya berjaya membeli rumah teres pertama mereka di kawasan LPHS.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 November 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Kosmo   |
| Tajuk Berita | : | 20 ekspatriat lawat Orang Asli di Pulau Carey |
| Muka Surat   | : | 32  |

### 20 ekspatriat lawat Orang Asli Pulau Carey

**KENAL BUDAYA.** Seramai 20 ekspatriat menyertai program kemasyarakatan dalam mengenali masyarakat Orang Asli di Pusat Kebudayaan Orang Asli Pulau Carey, Klang, Selangor baru-baru ini.

Peserta yang terdiri daripada warga Rusia, Denmark, Itali, Kazakhstan

dan China itu turut berpeluang melihat seni kraf tangan masyarakat Orang Asli selain mendalami gaya hidup kaum berkenaan.

Pada program itu, para peserta telah menyumbang pakaian, alat permainan, buku-buku, barang makanan selain wang tunai kepada masyarakat

Orang Asli.

Program dengan kerjasama Persatuan Amazing Hiking Malaysia, Persatuan Penulis Kembara Malaysia, Tourism Selangor dan Kumpulan Karang kraf itu disempurnakan oleh Naib Presiden Majlis Pelancongan Malaysia, Datuk Azlie Halim.



**AZLIE (berdiri depan, tiga dari kiri) bergambar bersama kumpulan ekspatriat pada program kemasyarakatan bersama penduduk kampung Orang Asli Pulau Carey, Klang baru-baru ini.**





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 20 November 2020

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Kosmo                                      |
| Tajuk Berita | : | JKKMAR setuju beberapa syor tangani rasuah |
| Muka Surat   | : | 32   |

# JKKMAR setuju beberapa syor tangani rasuah

Oleh MAISARAH  
 SHEIKH RAHIM  
 utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan melaksanakan Program Authorized Economic Operator (AEO) di peringkat kebangsaan bertujuan meningkatkan pematuhan industri, keselamatan dan fasiliti perdagangan di sempadan membabitkan urusan import eksport.

Pelaksanaan itu dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, program itu seperti mana cadangan dalam Belanjawan 2021 melibatkan pembabitkan jabatan, agensi pengawal atur dan penguatkuasaan bagi memberi kemudahan pelepasan kargo berisiko rendah.

Dalam masa sama jelasnya, semua agensi berkenaan dapat meningkatkan keberkesanan kerja dengan menumpukan pemeriksaan terhadap kargo berisiko tinggi sekali gus mengurangkan isu-isu rasuah dan ketirisan hasil kerajaan.

"Kementerian Kewangan bersetuju dengan peruntukan sebanyak RM3.3 juta setahun bagi merealisasikan program AEO secara bersepadu di peringkat nasional," jelasnya di sini.



“

Kementerian Kewangan bersetuju dengan peruntukan sebanyak RM3.3 juta setahun bagi merealisasikan program AEO secara bersepadu di peringkat nasional.”

MUHYIDDIN YASSIN

Jelas kenyataan itu, JKKMAR turut bersetuju agar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bagi membolehkan Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) dan Laporan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (LSEAIC) dijadikan sebagai keterangan dalam prosiding tatatertib.

Katanya, langkah itu bagi memantapkan proses tatatertib dalam perkhidmatan awam dan meningkatkan keberkesanan tindakan tatatertib yang diambil oleh jabatan-jabatan.

Jelas kenyataan itu, ini termasuk menjadikan Peman-

taan Status Maklum Balas Laporan SPRM dan Laporan EAIC sebagai satu agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) peringkat kebangsaan, negeri atau jabatan.

"Sebagai langkah memantapkan integriti dan tadbir urus anggota pentadbiran, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) bersama menteri-menteri kanan, KSN, Jabatan Peguam Negara dan SPRM memperhalusi garis panduan pengeluaran surat sokongan oleh anggota pentadbiran," katanya.

Dalam pada itu menurut kenyataan berkenaan, syor Jabatan Kerja Raya (JKR) turut dipersetujui bagi menambah baik tatacara dan kaedah penilaian

tender melalui peningkatan integriti maklumat dalam memastikan keberkesanan penilaian tender.

Katanya, ini melibatkan usahasama antara JKR dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menggunakan maklumat yang terdapat dalam pangkalan data agensi bagi tujuan penilaian tender serta menguatkuasakan syarat bon tender bagi tender tertentu kerajaan.

Selain itu katanya, satu kajian komprehensif akan dilakukan berkaitan Pengwujudan Peruntukan Undang Undang Baharu berkenaan Perjanjian Penangguhan Pendakwaan secara bersama oleh Jabatan Peguam Negara dan SPRM berkaitan peruntukan Liabiliti Korporat.





|  |   |                           |
|--|---|---------------------------|
| <b>KERATAN AKHBAR</b><br><b>20 November 2020</b> |   |                           |
| Akhbar   | : | Sinar Harian              |
| Tajuk Berita                                     | : | Transformasi digital KSSB |
| Muka Surat                                       | : | 27                        |

# Transformasi digital KSSB

Aplikasi diperluaskan kepada pihak-pihak berkaitan termasuk pelanggan syarikat

Bagi menahuti visi Kerajaan Negeri Selangor ke arah negeri pintar (*smart state*), Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) telah merencanakan pelbagai inisiatif dan cadangan transformasi digital di peringkat rantaian dan nilai bekalan bagi penciptaan nilai operasi yang lebih efisien dan efektif. Inisiatif-inisiatif pendigitalan KSSB bukan hanya terhad kepada operasi dalam syarikat, tetapi diperluaskan kepada agensi kerajaan berkaitan, vendor, kontraktor dan juga pelanggan syarikat.

Pelbagai langkah dan strategi dilakukan dalam usaha mendigitalkan proses dalam KSSB yang bermula seawal 2018 antaranya inisiatif pembangunan sistem doket elektronik (*Smart Docket*) di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) yang berjaya meminimumkan ketirisan hasil batuan di negeri Selangor.

Kejayaan pembangunan perisian *Smart Docket* ini telah membuka perspektif yang lebih meluas di atas pelaburan yang dibuat di dalam modal insan berkaitan teknologi dan telah memangkin pembangunan teknologi perisian syarikat. Ini terbukti dengan ketersediaan versi lanjutan *Smart Docket* yang lebih terkini dan unik juga telah dibangunkan melalui integrasi dengan beberapa perisian aplikasi termasuk kaedah teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*).

**Melalui objektif syarikat ke arah peningkatan kapasiti kecekapan operasi dan pengurusan, aplikasi perisian lain telah disiapkan secara dalaman dan usaha sama, antaranya:**

- *Integrated procurement system*.
- Aplikasi mobile dan web yang merekodkan suhu dan kedatangan pekerja tanpa capaian internet (SIMS).
- Sistem log rekod bagi pengurusan dan penyelenggaraan aset (WORMS).
- Aplikasi web dan mobile bagi rekod harian pengurusan kontraktor (SEMO dan CMS).
- Laporan kerosakan IT melalui web (ICT Helpdesk).

Ini adalah pembangunan perisian tambahan bagi menyokong penambahbaikan yang telah dibuat menggunakan aplikasi pihak ketiga bagi kegunaan urusan perbankan, pengurusan sumber manusia dan pemrosesan robotik (*robotic processing application*) bagi pengisian data.



Perbincangan penyelarasan *command centre*.

## Sistem lebih unik

Baru-baru ini, melalui kerjasama dengan beberapa pihak pembekal teknologi, KSSB telah membangunkan sebuah sistem pemantauan dan pusat arahan bersepadu (*Infrasel Integrated Command Centre*) berkaitan penyelenggaraan jalan raya.

Sistem ini mempunyai kapasiti pemantauan aduan, pengesanan kerosakan jalan, pengurusan kontraktor, arahan kerja berpusat, sistem perolehan, data stok bahan dan ramalan kerosakan serta membaiki pulih jalan. Sistem ini adalah unik kerana menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang dapat mengumpul aduan berkaitan mana-mana jalan melalui media sosial selain aduan terus yang dibuat melalui laman web.

Bagi mengaplikasikan kepakaran teknologi kamera AI serta dron, pengesanan melibatkan kerosakan jalan, papan tanda, longkang dan longgokan sampah dapat dikesan dengan segera bersama laporan bergambar secara online dari mana-mana lokasi pemantauan di seluruh negeri Selangor yang disalurkan terus kepada *command centre*. Analisis data secara digital juga dapat dilaksanakan untuk menilai tahap kerosakan bagi membantu keputusan arahan kerja-kerja penyelenggaraan berkaitan.

Sistem ini juga diintegrasikan dengan aplikasi perisian pengurusan kontraktor yang menyimpan data-data rekod penyelenggaraan, maklumat kontraktor berkaitan status kerja penyelenggaraan dan sistem stok dan perolehan bagi memantau penggunaan bahan material yang telus.

Aplikasi digital pengurusan kontraktor ini memudahkan capaian

maklumat bagi pelaksanaan program Selangor Advance, sebuah pembiayaan invoice anjuran Menteri Besar Incorporated Selangor (MBI) secara lebih efektif terutamanya kepada kontraktor-kontraktor kecil yang memerlukan aliran tunai lebih cepat.

## Command centre

Satu lagi ciri unik *Command centre* adalah keupayaan meramal kerosakan jalan melalui analisis AI daripada laluan lori-lori yang membawa muatan bahan-bahan batuan di seluruh negeri Selangor. Selain itu, penyelenggaraan ramalan (*predictive maintenance*) dan penyelenggaraan sasaran (*targeted maintenance*) dapat dilakukan, justeru dapat membantu pihak kerajaan dalam penjimatan kos penyelenggaraan jalan.

Sistem ini tidak mampu dibangunkan oleh mana-mana pihak dan yang pertama di dunia memandangkan keperluan integrasi kepada sistem *Smart Docket* yang sedia ada oleh KSSB. Melalui arahan daripada PTGS, sistem *Smart Docket* ini merekodkan setiap timbangan lori yang keluar masuk dari mana-mana tapak kuari dan lombong secara digital dan online.

Transformasi digital KSSB ini menahuti hasrat pelbagai usaha digitalisasi Kerajaan Negeri Selangor di bawah program Digitalisasi MBI dan Smart Selangor Delivery Unit.

Maklumat-maklumat data mentah (*raw data*) setiap timbangan lori ini dianalisis oleh aplikasi AI untuk meramal potensi kadar kerosakan mana-mana jalan yang dilalui oleh lori-lori berdasarkan jumlah berat dan laluan terkumpul di dalam tempoh masa yang disesuaikan.

## Pembangunan berterusan

KSSB secara terus menerus membangunkan beberapa aplikasi perisian bagi penyelesaian dan pemudah cara untuk operasi harian syarikat di samping menyumbang kepada agensi-agensi kerajaan yang memerlukan.

Transformasi digital KSSB ini menahuti hasrat pelbagai usaha digitalisasi Kerajaan Negeri Selangor di bawah program Digitalisasi MBI dan Smart Selangor Delivery Unit. Pembangunan automasi dan digitalisasi ini secara tidak langsung telah memberi ruang kerja terutamanya kepada kepakaran di dalam bidang pembangunan perisian, aplikasi mobile, saintis data dan sebagainya.

Di samping itu juga, keperluan syarikat kepada kemahiran tinggi di dalam pengurusan operasi secara tidak langsung membuka peluang kepada pekerja bebas (*freelancer*) di dalam ekonomi gig, ketika ini disokong oleh inisiatif Selangor Freelancer oleh pihak MBI.



Kakitangan sedang meneliti data di *Command Centre*.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



| <b>KERATAN AKHBAR</b>   |   |                                     |
|-------------------------|---|-------------------------------------|
| <b>20 November 2020</b> |   |                                     |
| Akhbar                  | : | Sinar Harian                        |
| Tajuk Berita            | : | Bantu penggiat industri pelancongan |
| Muka Surat              | : | 28                                  |

# Bantu penggiat industri pelancongan

Insentif khas RM1,000 seorang kepada 553 individu yang terkesan akibat Covid-19

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Seramai 553 penggiat dan pemain industri pelancongan di Selangor menerima sumbangan RM1,000 menerusi penyerahan bantuan insentif khas bersasar semalam.

Penyerahan itu merupakan sebahagian daripada Pakej Pemulihan Ekonomi Selangor seperti diumumkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada Julai lalu. Exco Pelancongan, Alam Sekitar Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Sela-



Loy Sian (lima dari kanan) menyampaikan bantuan insentif khas bersasar secara 'one-off' RM1,000 seorang kepada seramai 553 penggiat industri pelancongan di Selangor semalam.

ngor, Hee Loy Sian berkata, menerusi penyerahan itu, sebanyak RM553,000 diperuntukkan sebagai insentif membantu penggiat dan pemain industri pelancongan di negeri ini yang terkesan dengan penularan wabak coronavirus (Covid-19).

"Jumlah penerima merangkumi 486 pemandu pelancong berlesen dan berdaftar dengan Selangor Tourist Guide Association (SGTA), 16 pengusaha

rumah inap yang diperakui Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC) serta 51 Hos Komuniti Selangor," katanya pada sidang akhbar yang berlangsung di Bilik Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), semalam.

Menerusi Pakej Pemulihan Ekonomi Selangor, Loy Sian berkata, kerajaan negeri turut menggariskan Pakej Bantuan Sektor Pelancongan menerusi

penerbitan Subsidi Baucar Pelancongan Selangor dengan peruntukan RM2 juta.

Beliau berkata, pakej bantuan kedua dalam sektor pelancongan di Selangor sedang dikemas kini dan berada pada peringkat akhir pelaksanaannya.

"Pakej bantuan ini dijangka dilancarkan pada pertengahan bulan hadapan mengikut situasi semasa Covid-19 di negeri ini," katanya.

Jelasnya, pemberian Subsidi Baucar Pelancongan Selangor adalah seiring dengan pelaksanaan kempen promosi pelancongan 'Pusing Selangor Dulu' yang diperkenalkan oleh Tourism Selangor.

"Kempen ini memberi penekanan kepada inisiatif promosi serba mampan dengan melibatkan usahasama penggiat industri pelancongan bagi mempromosi tarikan di Selangor," katanya





## KERATAN AKHBAR 20 November 2020

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Sinar Harian  |
| Tajuk Berita | : | Pencemaran bau berlaku kerana masalah koordinasi, kata Exco |
| Muka Surat   | : | 28  |

# Pencemaran bau berlaku kerana masalah koordinasi, kata Exco

**SHAH ALAM** - Insiden pencemaran bau yang dikesan berhampiran loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) di Taman Velox sebelum ini berlaku disebabkan masalah koordinasi antara agensi-agensi berkaitan.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, pihaknya mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air di Selangor Isnin lalu bagi mengenal pasti punca insiden tersebut.

Beliau berkata, menerusi perbincangan dalam mesyuarat itu, pihaknya mendapati aspek koordinasi perlu dipertingkatkan melibatkan agensi berkaitan seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), IWK dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Saya tidak tuduh siapa salah, siapa betul (dalam insiden ini), namun semua pihak perlu tingkat koordinasi antara satu sama lain,” katanya selepas majlis penyerahan sumbangan RM1,000 secara *one-off* kepada penggiat industri pelancongan di Selangor yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor semalam.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan mengenai penafian IWK berhubung dakwaan pihaknya menjadi punca kepada insiden pencemaran bau sehingga menyebabkan henti tugas di

Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam sebelum ini berkata, pencemaran bau itu berpunca daripada sisa buangan haram oleh pihak tidak bertanggungjawab, malah IWK turut mengambil tindakan segera dengan menghentikan pembebasan sisa kumbahan pada 4 November lalu selepas mengesan bahan berkenaan dalam sistem pemetungan mereka.

Sementara itu, Loy Sian turut menafikan dakwaan IWK sebelum ini yang mengatakan pihak mereka menghantar notis awal kepada kerajaan negeri melalui PBT berhubung insiden itu.

“Mereka kata hantar notis pada PBT, tetapi masalahnya Majlis Perbandaran Selayang (MPS) maklumkan mereka menerimanya 10 hari selepas pencemaran itu.

“Kami juga ada kumpulan WhatsApp yang disertai pegawai tertinggi setiap agensi termasuk saya di mana setiap perkembangan sebarang insiden pencemaran akan dimaklumkan di sana.

“Namun, saya diberitahu apa yang berlaku di Taman Velox sebelum ini adalah di mana wakil IWK juga tidak memaklumkan mengenai insiden di pemetung kumbahan mereka menerusi kumpulan WhatsApp itu,” katanya.

Katanya, pihaknya berharap aspek koordinasi melibatkan agensi berkaitan dapat dipertingkatkan selepas ini.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**19 November 2020**

|              |   |                                       |
|--------------|---|---------------------------------------|
| Akhbar       | : | Selangor TV                           |
| Tajuk Berita | : | 174 Penerima Dana Usahawan Mikro 2020 |
| Muka Surat   | : | -                                     |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**19 November 2020**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Selangor TV                                     |
| Tajuk Berita | : | 553 Pemain Industri Pelancongan Terima Insentif |
| Muka Surat   | : | -   |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**19 November 2020**

|              |   |  |
|--------------|---|--|
| Akhbar       | : | Selangor TV  |
| Tajuk Berita | : | 553 Pemain Industri Pelancongan Terima Insentif Khas Berjumlah RM553,000 |
| Muka Surat   | : | -  |





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**19 November 2020**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Selangor TV   |
| Tajuk Berita | : | Dana Usahawan Mikro Peluang Usahawan Perluas Perniagaan |
| Muka Surat   | : | -   |



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**19 November 2020**

|              |   |   |
|--------------|---|---|
| Akhbar       | : | Selangor TV                                     |
